

## **Proses Pembubaran DUN: Amalan Autonomi Bahagian dalam Sistem Persekutuan di Malaysia Pasca PRU-14**

Nor Zuwairi Zakwa  
Ahmad Nidzamuddin Sulaiman  
Institute of Ethnic Studies (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

### *ABSTRAK*

Sebagaimana yang diketahui bahawa Malaysia mengamalkan sistem persekutuan sejak mencapai kemerdekaan bahkan sistem tersebut telahpun diterapkan sebelumnya menerusi pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NMB). Penulisan artikel ini merupakan satu usaha melihat dan mengkaji amalan sistem persekutuan dari satu dimensi yang berbeza dengan mengaitkannya dengan konsep autonomi bahagian (segmented autonomy) yang merupakan salah satu elemen terpenting dalam teori demokrasi permuafakatan (consociational democracy). Amalan autonomi bahagian dalam sistem persekutuan di Malaysia dizahirkan dalam konteks pentadbiran negeri yang sekaligus melibatkan aspek geo-politik selain turut digunakan dalam parti-parti politik yang menjadi komponen dalam sesebuah gabungan politik. Terdapat beberapa perkara yang boleh menunjukkan pelaksanaan autonomi bahagian di peringkat kerajaan negeri namun penulisan ini akan memfokuskan kepada hak autonomi negeri dari segi pembubaran dewan perundangan yang dinamakan sebagai Dewan Undangan Negeri (DUN). Dalam konteks perjalanan federalisme di Malaysia, pengaruh sosial kepelbagaian etnik-bahasa tidak begitu mempengaruhi autonomi bahagian negeri tidak sepertimana yang berlaku di negara persekutuan yang lain seperti Kanada, Switzerland, Belgium serta beberapa negara yang lain. Sebaliknya, peranan parti politik yang amat mempengaruhi segala tindakan yang dibuat di peringkat sub-kebangsaan dalam sistem persekutuan.

*Kata kunci: sistem persekutuan; autonomi bahagian; demokrasi permuafakatan; Dewan Undangan Negeri (DUN); kepelbagaian etnik-bahasa*

### *ABSTRACT*

*As it is known, Malaysia has practiced a federal system since achieving independence, and this system was implemented earlier through the formation of the Federated Malay States (NMB). This article aims to observe and study the practice of the federal system from a different perspective by relating it to the concept of segmented autonomy, one of the crucial elements in the theory of consociational democracy. The application of segmented autonomy within the federal system in Malaysia is evident in the context of state administration, involving both geo-political aspects and its utilization within political parties, components of a political coalition. While there are various indicators of state government autonomy, this article specifically focuses on the right of state autonomy concerning the dissolution of the legislative assembly, known as the Dewan Undangan Negeri (DUN). In the Malaysian federalism context, unlike in other federal countries such as Canada, Switzerland, Belgium, and some others, the social aspect influenced by ethnic-linguistic diversity does not significantly impact state autonomy. On the contrary, the role of political parties significantly influences all actions taken at the sub-national level in the federal system.*

*Keywords: federal system; segmented autonomy; consociational democracy; Dewan Undangan Negeri (DUN); ethnic-linguistic diversity*

## PENGENALAN KONSEP FEDERALISME

Dari aspek etimologi, istilah federalisme berasal daripada ‘*foedus*’ dimana dalam bahasa Latin bermaksud persekutuan atau liga negeri-negeri yang bergabung dalam pakatan, konvenan<sup>1</sup> atau perjanjian, biasanya untuk tujuan pertahanan (Elazar 1987; Mustafa 2006). Menurut Watts (1998), federalisme ialah falsafah, doktrin dan boleh dikatakan ideologi yang memihak kepada corak pemerintahan wilayah yang berbeza, yang menggabungkan pemusatan beberapa kuasa politik dan desentralisasi yang lain.

Berdasarkan sejarah, konsep persekutuan telah diwujudkan jauh lebih lama dari pemerintahan zaman kegemilangan bangsa Greek iaitu di zaman ketamadunan Lembah Nil sekitar kurun ke-3 sebelum Masihi. Selepas itu, apabila Liga Acheaeen diwujudkan (sekitar 280 – 146 SM), konsep yang sama diperluaskan di kalangan negara-negara kota Greek bagi mempertingkatkan suasana harmoni, kerjasama dan yang lebih penting keselamatan bersama. (Mustafa 2006).

Menurut Wheare (1964), sistem persekutuan ialah satu sistem pemerintahan negara dimana wujudnya dua peringkat kerajaan iaitu kerajaan pusat (*federal government*) dan kerajaan negeri (*state government*). Setiap kerajaan ini hendaklah dihadkan kepada bidang kuasa masing-masing dan pada masa yang sama hendaklah bebas daripada campurtangan pihak yang lain. Hal ini turut dikongsi Baradat (1997) sebagaimana ungkapan di bawah:

*“A Federal government is one which divides powers between the states and the national government. Each level is guaranteed certain rights, including the right to exist, so that the states cannot legally destroy the national government or another state government, and the national government may not dissolve the states”.*

Menurut Baradat (1997) lagi, kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri masing-masing menikmati kuasa tertentu secara eksklusif di samping selain secara serentak berkongsi kuasa dalam perkara atau bidang yang tertentu. Misalnya bagi negara Amerika Syarikat, kuasa melancarkan peperangan dan mendapatkan keamanan adalah contoh kuasa eksklusif untuk kerajaan persekutuan. Pendidikan adalah (kuasa) eksklusif kepada negeri-negeri manakala percukaian adalah kuasa serentak kerana dilaksanakan oleh kedua-dua peringkat kerajaan.

Negara persekutuan diwujudkan melalui persekutuan atau perjanjian di antara wilayah-wilayah yang sudah bebas untuk menjadi satu unit yang baharu di dalam satu pemerintahan yang ditadbir melalui pentadbiran pusat. Apabila suatu wilayah itu bergabung menjadi ahli dalam suatu persekutuan, dengan sendirinya akan menyerahkan kedaulatan wilayah itu dan ketaatan rakyatnya tertumpu kepada kedaulatan negara persekutuan. Namun demikian, wilayah yang telah menyerahkan kedaulatannya tidak semestinya akan kehilangan identitinya kerana

---

<sup>1</sup> Konvenan bermaksud janji kepada seseorang, atau perjanjian undang-undang, terutama sekali untuk membayar sejumlah wang yang tetap kepada seseorang/sesuatu (Kamus Oxford atas talian diakses pada 4 Julai 2023 jam 10.15 pagi: <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/>)

telah ditetapkan dan dijamin oleh perlembagaan persekutuan. Justeru, identiti setiap wilayah atau negeri itu akan dapat dikekalkan (Mustafa 2006).

Menurut Elazar (1987), golongan federalis ini mempromosikan "sistem politik persekutuan" yang menggabungkan prinsip "peraturan bersama" dengan "pemerintahan sendiri" dalam reka bentuk wilayah mereka. Elazar turut merujuk sistem politik ini yang kadangkala digambarkan sebagai persekutuan dengan merujuk kepada penulis-penulis yang mengungkapkannya sebagai "konfederasi" bagi (Forsyth 1981); "federacies" menurut (Anderson 2012; O'Leary 2005; Stepan 2013); "institusi antara kerajaan merentas sempadan" menurut (McGarry dan O'Leary:2005) dan kondominium bagi (O'Leary 1993) (Dipetik dari <https://pesd.princeton.edu/node/431> yang diakses pada 23 Julai 2023 jam 9.30 malam).

Sistem persekutuan telah menjadi satu sistem pemerintahan yang diamalkan di sebilangan besar negara di dunia selain daripada sistem kesatuan. Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara berdaulat yang mengamalkan sistem persekutuan sejak mencapai kemerdekaan pada 1957 bahkan sebelum itu lagi telah diperkenalkan dengan sistem itu oleh pihak Inggeris menerusi pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dalam tahun 1896 sebelum penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Sorotan sejarah sistem persekutuan dijelaskan selanjutnya.

## **SEJARAH SISTEM PERSEKUTUAN DI MALAYSIA**

Sejarah sistem federalisme di Malaysia bersusur galur daripada penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada tahun 1895. Namun, sebelum NNMB diperkenalkan, negeri-negeri tersebut diperintah Inggeris menerusi Sistem Residen. Menurut Gullick (1969) dan Kennedy (1993), sistem Residen mula diperkenalkan mulai tahun 1874 di Perak disusuli Selangor dan Sungai Ujong dalam tahun yang sama, manakala Pahang pada tahun 1888 dan Negeri Sembilan mulai tahun 1896 (termasuklah penyertaan Sungai Ujong ke dalam Negeri Sembilan).

Pada tahun 1893, Swettenham telah menyerahkan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil Clementi Smith, satu (cadangan) skim untuk persekutuan empat negeri yang mempunyai Residen British. Draf skim ini kemudiannya telah dimajukan kepada Setiausaha Negara untuk Tanah Jajahan, dan pengganti Smith, Sir Charles Mitchell, menerima arahan untuk melaporkan cadangannya. Selama hampir dua tahun perkara itu masih belum diputuskan (tertangguh), tetapi pada tahun 1895, Mitchell mengesyorkan bahawa jika Raja-raja Melayu bersetuju dengannya, Rancangan Persekutuan harus diterima (Kennedy 1993).

Rancangan tersebut telah membawa kepada Perjanjian Persekutuan 1895. Melalui perjanjian yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 1896, negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan disatukan di bawah satu pentadbiran pusat yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) (Sagayamary 2002). Negeri-negeri ini merupakan antara negeri yang terkaya di Tanah Melayu pada masa itu hasil perlombongan bijih timah. Menurut Kennedy (1993), kesukaran penyeragaman pentadbiran dan komunikasi antara keempat-empat negeri yang diperintah Residen ini telah membawa kepada cadangan penubuhan persekutuan itu. Di samping itu, menurut Milner (1970), kewujudan persekutuan dapat mengukuhkan keselamatan NNMB lantaran kekacauan yang berlaku dapat dibentaras dan ditewaskan menerusi kekuatan gabungan keempat-empat negeri tersebut.

Sungguhpun demikian, gagasan ini bukanlah satu bentuk sebenar bagi sesebuah persekutuan tetapi menjadi asas kepada sistem persekutuan di Malaysia. Perkara ini ditegaskan Milne (1978) sebagaimana kenyataannya seperti yang berikut:

*“This (Federated Malays States) was not a ‘federation’ in the accepted sense of a system of government, in which powers are divided between a federal government and state government”.*

Meskipun pembentukan NNMB pada tahun 1895 dikatakan menjadi asas kepada amalan sistem federalisme di Tanah Melayu pada masa itu, Persekutuan Negeri Sembilan adalah yang terlebih awal dibentuk. Hal ini dijelaskan Sagayamary (2002) yang menyatakan bahawa, Negeri Sembilan muncul sebagai sebuah persekutuan menjelang lewat abad ke-19. Sebelum itu, Negeri Sembilan terdiri daripada beberapa wilayah kecil<sup>2</sup> yang ditadbir oleh Penghulu dan Undang masing-masing. Menerusi campur tangan kuasa Barat (Inggeris) telah membawa kepada penyatuan wilayah-wilayah kecil ini dalam satu persekutuan yang lebih teguh dan unik yang dikenali sebagai Negeri Sembilan yang wujud pada hari ini. Berdasarkan kronologi sejarah, proses pembentukan persekutuan Negeri Sembilan<sup>3</sup> melalui tiga fasa. (Lihat **Lampiran 1**).

Di peringkat awal pendudukan Jepun, *Japan 25<sup>th</sup> Army* bertanggungjawab mentadbir Malaya dan Sumatera. Kedua wilayah ini digabungkan pada Mac 1942 dan dilabelkan sebagai ‘*Special Defence Area*’ yang berpusat di Saigon sebelum dipindahkan ke Singapura atau dinamakan sebagai ‘*Syonan-to*’ pada 20 April 1943 di bawah pentadbiran *Southern Army Military Headquarters* yang diketuai seorang Inspektor Jeneral. Pemerintah tentera Jepun kemudiannya memansuhkan konsep Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan menamakan Tanah Melayu sebagai ‘Malai’ sementara negeri-negeri Melayu di sebelah utara pula (Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu selain Johor) telah diletakkan di bawah kawalan Siam<sup>4</sup> sebagai balasan kepada negara itu manakala Tanah Melayu yang selebihnya diletakkan sebagai tanah jajahan Jepun di bawah perintah gabenor tentera (Kratoska 1997).

Setelah berakhirnya Perang Dunia ke-2, Inggeris mengambil alih semula Tanah Melayu dengan mencadangkan dan menubuhkan satu jenis kerajaan baru, Malayan Union yang merangkumi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan mengecualikan Singapura (Milne dan Mauzy 1978). Menyedari hakikat bahawa orang Melayu akan kehilangan kuasa di negeri mereka sendiri, maka Dato’ Onn Jaafar dan golongan nasionalis Melayu lain bangun menentang pembentukan Malayan Union (Redzuan Ma’rof 1997). Pada 1 April 1946, sebanyak 41 pertubuhan Melayu dari seluruh Tanah Melayu berjaya berhimpun pada kongres berkenaan yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur untuk membincangkan kemungkinan membentuk organisasi terpusat. Susulan daripada kongres ini telah melahirkan cadangan

---

<sup>2</sup> Antara wilayah-wilayah tersebut termasuklah Seri Menanti, Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi, Jempol, Inas, Gemencheh, Johol, Rembau Jelebu, Sungai Ujong, dan Tampin.

<sup>3</sup> Implikasi daripada pembentukan persekutuan ini telah membawa kepada penubuhan sebuah Majlis Persekutuan Negeri Sembilan yang dianggotai Residen Inggeris, Yam Tuan Muhammad, Dato’ Bandar Ahmad (Sungai Ujong), Dato’ Syed Ali (Jelebu), Dato’ Serun (Rembau), Dato’ Wan Omar (Johol), Tengku Muda Chik Seri Menanti, Tengku Dewa (Tampin), Dato’ Mohamad Bastan (Linggi) dan Kapitan Chin Who dan Kapitan Lee Sam. Di samping majlis persekutuan ini, para pembesar juga bersetuju untuk menggunakan sebuah bendera bagi persekutuan Negeri Sembilan. Dipetik dalam Sagayamary (2002).

<sup>4</sup> Semasa penaklukan Jepun di Tanah Melayu mulai Disember 1941, pihak Siam telah membenarkan tentera Jepun dari Divisyen Ke-5 dan Divisyen Ke-18 untuk mendarat di negara itu melalui Singgora dan Pattani sebagai laluan untuk masuk menakluki Tanah Melayu dengan pantas tanpa disedari pihak tentera Inggeris pada masa itu.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 11 Mei 1946 bagi menentang Malayan Union. Dato' Onn telah dipilih sebagai Presiden pertama UMNO (Mauzy 1983, Nidzam 2006:107 dan Shamsul 2012).

Akibat daripada tentangan yang hebat oleh orang Melayu akhirnya rancangan Malayan Union dimansuhkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 (Shamsul 2012). Setelah penolakan Malayan Union, Inggeris mengadakan rundingan dengan pemimpin UMNO dan Sultan-Sultan Melayu yang akhirnya membawa kepada satu draf perlembagaan yang dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan 1948 (Nidzam 2006). Pada Februari 1948, Kerajaan Inggeris telah mengistiharkan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu<sup>5</sup>. Dalam sistem persekutuan ini, Sultan diberikan semula hak-hak<sup>6</sup> ke atas negeri masing-masing, syarat-syarat hak kerakyatan diperketatkan dan hak istimewa orang-orang Melayu sebagai kaum Bumiputera diperkukuhkan (Ma'rof 1997). Melalui sistem federalisme inilah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 melalui perundingan dengan pihak Inggeris dan secara tolak ansur antara kaum. Persekutuan Tanah Melayu terus kekal sehinggalah penubuhan Persekutuan Malaysia<sup>7</sup> dengan penyertaan Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) pada tahun 16 September 1963. Sejak itu Malaysia terus kekal sebagai sebuah persekutuan sehingga kini (kecuali dengan keluarnya Singapura pada 9 Ogos 1965).

### **KONSEP FEDERALISME: CIRI AUTONOMI BAHAGIAN DEMOKRASI PERMUAFAKATAN**

Konsep autonomi bahagian atau *segmental autonomy* merupakan salah satu komponen yang terkandung dalam teori demokrasi pemuafakatan (*consociational democracy*) sebagaimana yang pernah dikemukakan dan dipopularkan Lijphart (1968). Autonomi bahagian dikaitkan dengan maksud setiap segmen yang bergabung mempunyai kuasa autonomi bagi menentukan hal ehwal dan kepentingan masing-masing. Hal ini termasuklah dalam menentukan ketua masing-masing di samping wakil yang akan menganggotai kerajaan tanpa gangguan atau pengaruh mana-mana pihak lain dalam gabungan tersebut. Autonomi segmen melibatkan peraturan minoriti dimana pemerintahan oleh minoriti ke atas dirinya dalam bidang eksklusif minoriti. Mengenai semua perkara yang mempunyai kepentingan bersama, keputusan hendaklah dibuat oleh semua segmen bersama-sama dengan darjah pengaruh yang berkadar secara kasar. Bagaimanapun, dalam semua perkara yang lain (hal ehwal dalaman), keputusan dan pelaksanaannya boleh diserahkan kepada segmen (secara) yang berasingan (Lijphart:1977).

Menurut Lijphart (1977), federalisme adalah merupakan salah satu daripada bentuk autonomi bahagian (*segmented autonomy*). Sungguhpun amalan federalisme dapat dilaksanakan dalam masyarakat bukan poli-etnik atau majmuk, namun secara teori terdapat beberapa persamaan secara jelas yang dimiliki federalisme dengan teori pemuafakatan yang mana bukan sahaja pemberian autonomi kepada setiap bahagian wilayah atau negeri sebagai ciri utamanya tetapi juga dari segi perwakilan dalam 'dewan persekutuan'. Justeru, federalisme

---

<sup>5</sup> Persekutuan ini terdiri daripada Sembilan buah negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.

<sup>6</sup> Kerajaan negeri bertanggungjawab atas perkara-perkara seperti pentadbiran kerajaan tempatan, urusan tanah, kesihatan, pendidikan dan pertanian.


<sup>7</sup> Idea penubuhan Persekutuan Malaysia terdapat dari Tunku Abdul Rahman. Kali pertama beliau menyebut soal percantuman ialah semasa Persidangan Agung UMNO pada tahun 1955. Namun, pada 27 Mei 1961, dalam satu makan malam dengan wartawan-wartawan Asia Tenggara di sebuah hotel di Singapura, Tunku melahirkan hasrat untuk membentuk Malaysia (Nazaruddin:1997)



boleh dianggapkan sebagai satu jenis teori pemuafakatan yang unik lagi istimewa. Dalam konteks masyarakat majmuk sebagai ‘masyarakat persekutuan’, dimana federalisme digunakan sebagai satu kaedah konsosiasi terutama sekali apabila setiap segmen dalam kepelbagaian masyarakat itu tertumpu pada sesuatu kawasan geografi tertentu (dalam konteks ini wilayah atau negeri) dan dipisahkan dengan segmen yang lainnya. Dengan maksud lainnya, belahan segmen bertepatan dengan belahan wilayah. Oleh kerana kerajaan di peringkat sub-nasional (negeri/wilayah) ini secara praktiknya diatur mengikut garisan sempadan wilayah, federalisme menawarkan cara yang sangat menarik bagi melaksanakan idea autonomi bahagian.

Sementara itu, autonomi bahagian bolehlah dianggap sebagai ‘genesis’ bagi idea persekutuan. Hal ini ditunjukkan menerusi percubaan mewujudkan sistem federalisme bukan wilayah oleh Otto Bauer dan Karl Renner bagi menyelesaikan masalah kewarganegaraan Empayar Austro-Hungary. Dalam konteks ini, mereka menyifatkan sistem federalisme itu atas dasar ‘prinsip personaliti’ yang berbeza dengan prinsip wilayah biasa. Setiap individu berhak mengisytiharkan kewarganegaraan yang ingin dimiliki dan kewarganegaraan ini akan menjadi *kultur-gemeinschaft* (campuran budaya) yang berautonomi. Perkara ini dinyatakan secara eksplisit oleh Bauer yang membuat persamaan antara komuniti budaya yang dicadangkan ini dengan komuniti agama Katolik, Protestan dan Yahudi yang wujud secara bersama serta bebas menjaga hal ehwal agama masing-masing (dipetik dalam Lijphart:1968).

Dalam konteks demokrasi pemuafakatan Eropah, federalisme wilayah dan bukan wilayah telah memainkan peranan penting. Perkara ini jelas dilihat sangat penting di Switzerland dan juga semakin penting di Belgium sejak 1970. Dimana segmen-segmen tersebut secara geografi terlalu bersalang-seli, autonomi bahagian telah diwujudkan berdasarkan ‘proportionality’ menerusi sub-budaya agama-ideologi dan bukannya melalui komuniti linguistik di Belgium dan Austria. Austria secara rasminya adalah sebuah republik persekutuan tetapi sistem autonomi bahagiannya kebanyakannya dalam bentuk bukan wilayah. Seperkara yang penting, walaupun lebih mudah untuk mewakili tanggungjawab kerajaan dan pentadbiran tertumpu kepada wilayah berbanding segmen bukan wilayah, autonomi bahagian terbukti sesuai dengan kedua-dua pendekatan. Bidang hal ehwal kebudayaan, pendidikan dan komunikasi adalah merupakan autonomi bahagian yang sangat meluas di Belanda, Austria dan Belgium<sup>8</sup>.




RAJAH 1. Perkaitan Sistem Federalisme dengan Autonomi Bahagian (Ilustrasi Penulis)

<sup>8</sup> *Ibid*

## AUTONOMI BAHAGIAN: KUASA NEGERI DI MALAYSIA

Perlaksanaan sistem persekutuan di Malaysia adalah berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Berdasarkan perlembagaan tersebut, dinyatakan bidang kuasa yang menjadi hak pusat, hak negeri dan juga hak secara bersama pusat dan negeri. Perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Malaysia Jadual Kesembilan, Perkara 74 dan 77, Senarai Perundangan (Perlembagaan Persekutuan 2022). Jadual dalam **Lampiran 2** adalah merupakan ringkasan kepada bidang-bidang kuasa antara pusat, negeri dan juga bidang kuasa secara bersama. Kuasa-kuasa ini mempunyai tahap yang setara berdasarkan bidang-bidang yang diagih-agihkan sama ada pusat, negeri ataupun bersama.

Berpandukan jadual itu, sebahagian besar kuasa boleh dikatakan dimiliki Pusat namun masih terdapat sebahagian kuasa yang menjadi hak dan tanggungjawab negeri seperti hal tanah, pertanian, pengurusan air, hal ehwal agama Islam, permit perlombongan, hutan, hari kelepasan negeri dan beberapa yang lain. Seperkara yang lain, iaitu kuasa pentadbiran dan pengurusan badan perundangan negeri yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Jadual Kelapan, Perkara 71, Bahagian 1, iaitu *Peruntukan yang hendaklah dimasukkan ke dalam Perlembagaan Negeri*. Hal ini termasuklah dari segi hak Sultan/Raja/Yang Dipertuan Negeri memanggil persidangan DUN, memprolog proklamasi darurat peringkat negeri dan kuasa pembubaran DUN (Perlembagaan Persekutuan 2022). Justeru, kuasa-kuasa yang menjadi hak dan tanggungjawab negeri ini bolehlah dianggap sebagai satu ciri autonomi bahagian dalam konteks pelaksanaan sistem persekutuan dan demokrasi pemuafakatan di Malaysia. Perkara ini dapat dijelaskan menerusi carta di bawah ini.



RAJAH 2. Hubungan Autonomi Bahagian dalam sistem persekutuan dan demokrasi pemuafakatan

## SEJARAH PEMBUBARAN DUN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Berdasarkan fakta sejarah dan amalan kebiasaannya, pembubaran DUN bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia<sup>9</sup> sejak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957 lazimnya

<sup>9</sup> Penulisan artikel ini mengecualikan konteks pembubaran DUN bagi negeri Sabah dan Sarawak kerana secara kelazimannya kedua DUN ini dibubarkan agak berbeza dengan tarikh pembubaran Parlimen dan pilihanraya bagi kedua negeri ini dilakukan dengan tarikh dan tempoh yang jauh berbeza dengan PRU. Walaupun pernah beberapa

dilakukan serentak atau tidak begitu jauh tarikhnya dengan tarikh pembubaran Parlimen. Hal ini sekaligus membolehkan Pilihan Raya Umum (PRU) dapat dilakukan secara serentak dengan Pilihan Raya peringkat Negeri (DUN)<sup>10</sup>. Hal ini dapat ditunjukkan dengan dua catatan peristiwa yang direkodkan Arkib Negara sebagaimana yang dilampirkan dalam **Lampiran C** dan **Lampiran D**. Berdasarkan kepada dua catatan berkenaan, jelaslah bahawa peristiwa pembubaran Parlimen dan DUN di kesemua negeri di Semenanjung Malaysia dilakukan secara serentak sebelum ini (sebelum PRU-14).

Semenjak sistem pilihanraya diperkenalkan di Malaysia, sebanyak 16 kali PRU telahpun diadakan dimana daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 kali diadakan bersama pilihan raya yang melibatkan peringkat negeri secara serentak. Jadual di bawah menjelaskan PRU yang dijalankan serentak dengan pilihanraya DUN (NSTP 1990, Laporan Keputusan PRU 1990 – 2004 Berita Harian, Laman Sesawang SPR bagi Laporan PRU-2008 hingga PRU-2018).

PRU	1955	1959	1964	1969	1974	1978	1982	1986
Parlimen	√	√	√	√	√	√	√	√
DUN	X	√	√	√	√	√	√	√

PRU	1990	1995	1999	2004	2008	2013	2018	2022
Parlimen	√	√	√	√	√	√	√	√
DUN	√	√	√	√	√	√	√	X

**Jadual 3**

Pada PRU-1955 iaitu PRU pertama yang diadakan di Tanah Melayu, terdapat pilihan raya negeri diadakan lebih awal iaitu pada tahun 1954 seperti negeri Johor (10 Oktober 1954) dan Terengganu (29 Oktober 1954) sementara pada awal tahun 1954 iaitu Pulau Pinang yang diadakan pada 19 Februari 1955. Sementara terdapat juga pilihan raya negeri yang diadakan selepas beberapa bulan PRU berlangsung ketika itu iaitu daripada 19 September 1955 sehinggalah 12 November 1955 (Ahmad Kamal 2021).

Walaupun bagaimanapun, mulai PRU-1959, pilihan raya peringkat negeri diadakan serentak dan begitulah juga dari segi tarikh pembubarannya yang tidak begitu jauh dengan tarikh pembubaran parlimen. Situasi ini terus berkekalan sehinggalah menjelang PRU-15 apabila 2 DUN dibubarkan lebih awal iaitu DUN Melaka (4 Oktober 2021)<sup>11</sup> dan DUN Johor (22 Januari 2022)<sup>12</sup> lantaran berlakunya ketidakstabilan kerajaan negeri dalam DUN di kedua negeri berkenaan. Hal yang sama juga terjadi di DUN Sabah yang turut dibubarkan pada 30 Julai 2020<sup>13</sup>. Apabila Parlimen dibubarkan, hanya 3 DUN Negeri sahaja yang terbubar iaitu: i. Perlis; ii. Perak dan iii. Pahang. Ketiga-tiga DUN ini dikuasai oleh Barisan Nasional (BN) pada masa itu (Berita Harian keluaran 10 Oktober 2022)<sup>14</sup>.

---

kali terjadi dimana DUN Sabah dibubarkan serentak dengan pembubaran Parlimen dan pilihan raya negeri diadakan serentak dengan PRU, namun bagi tujuan penulisan artikel ini lebih menjuruskan kepada DUN-DUN di Semenanjung Malaysia.

<sup>10</sup> Kecuali bagi kes-kes tertentu seperti pembubaran DUN Kelantan pada 1977 yang dikaitkan dengan Darurat di Kelantan pada tahun yang sama.

<sup>11</sup> “DUN Melaka bubar”, Sinar Harian keluaran 5 Oktober 2021.

<sup>12</sup> “DUN Johor bubar, PRN dalam tempoh 60 hari”, Kosmo keluaran 22 Januari 2022.

<sup>13</sup> “DUN Sabah bubar hari ini”, Berita Harian keluaran 31 Julai 2020.

<sup>14</sup> “Hanya Pahang, Perak dan Perlis sedia bubar DUN”, Berita Harian keluaran 10 Oktober 2022.



Sementara 6 lagi negeri mengambil langkah untuk tidak membubarkan DUN masing-masing apabila kerajaan persekutuan pada masa itu yang diterajui BN-Perikatan Nasional mengisytiharkan pembubaran Parlimen atau Dewan Rakyat. Negeri-negeri ini kemudiannya mengambil tindakan untuk membubarkan DUN masing-masing menghampiri tempoh akhir mandat DUN berkenaan. Tindakan yang tidak selari dengan pusat ini adalah sah dan dibenarkan dari segi perlembagaan dan undang-undang. Perkara ini merupakan elemen autonomi bahagian yang dimiliki oleh kerajaan negeri dan konteks sistem persekutuan.

Hak autonomi bahagian atau autonomi segmen dalam konteks pembubaran DUN pada hakikatnya telah lama menjadi hak kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri berhak sama ada untuk mengikut tarikh pembubaran bersamaan dengan tarikh pembubaran Dewan Rakyat (Parlimen) atau memilih tarikh selainnya untuk membubarkan sama ada lebih awal ataupun lebih lewat. Diakui bahawa amalan sebelum ini, kerajaan negeri (khususnya bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia) akan mengikut sahaja tarikh pembubaran parlimen bagi negeri masing-masing. Namun begitu, pasca PRU-14 menyaksikan hal yang sedemikian tidak terjadi. DUN Melaka dan Johor dibubarkan lebih awal sementara enam DUN yang lainnya (Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Selangor dan Negeri Sembilan) tidak membubarkan DUN ketika parlimen dibubarkan. Hanya 3 negeri sahaja iaitu Perlis, Perak dan Pahang yang melaksanakan pembubaran serentak dengan pembubaran Parlimen.

### PROSES PEMBUBARAN DUN PASCA PRU-14

Perkembangan politik pasca PRU-14 membawa banyak tsunami perubahan. Hal ini termasuklah dari segi **perbezaan tarikh pembubaran DUN**<sup>15</sup> khususnya bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia lantaran beberapa alasan tertentu bagi menjustifikasikan tindakan membubarkan lebih awal atau lebih lewat daripada tarikh pembubaran Parlimen. Perbezaan ini juga dipercayai sangat terkait rapat dengan faktor parti atau parti gabungan yang menguasai atau memerintah sesebuah negeri itu. Sebagai contohnya di sini, apabila kerajaan gabungan BN+PN pimpinan Dato' Sri Ismail Sabri yang menguasai Kerajaan Persekutuan bertindak membubarkan Parlimen pada 10 Oktober 2022, hanya negeri-negeri yang dikuasai BN iaitu Pahang, Perak dan Perlis sahaja yang bertindak mengikut membubarkan DUN masing-masing ketika itu. Sementara negeri-negeri yang dikuasai PH iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan serta yang dikuasai PN, Kelantan, Terengganu dan Kedah tidak mengambil langkah yang sama. Manakala bagi Johor dan Melaka telah membubarkan DUN masing-masing beberapa bulan sebelum PRU-15 atas faktor ketidakstabilan kerajaan negeri lantaran majoriti tipis di DUN masing-masing.

Jadual berikut menunjukkan tarikh-tarikh pembubaran DUN bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pasca PRU-14.

DUN Negeri	Parti/Gabungan memerintah*	Tarikh Pembubaran	Alasan Pembubaran	Catatan
Johor	Barisan Nasional	22 Januari 2022	Ketidakstabilan Kerajaan	Sebelum PRU-15

<sup>15</sup> Perbezaan tarikh yang dimaksudkan di sini adalah dalam konteks perbezaan yang ketara yakni jauh dari tarikh PRU dan bukanlah bermaksud perbezaan dari segi beberapa hari atau minggu sahaja. Dengan kata lain, DUN-DUN ini dibubarkan bagi tujuan mengadakan pilihan raya serentak dengan PRU.

Melaka	Barisan Nasional	4 Oktober 2021	Ketidakstabilan Kerajaan	
Perak	Barisan Nasional	17 Oktober 2022	Pembuburan Parlimen	Semasa PRU-15
Perlis	Barisan Nasional	14 Oktober 2022	Pembuburan Parlimen	
Pahang	Barisan Nasional	14 Oktober 2022	Pembuburan Parlimen	
Kelantan	Perikatan Nasional	22 Jun 2023	Tamat tempoh	Pasca PRU-15
Selangor	Pakatan Harapan	23 Jun 2023	Tamat tempoh	
Kedah	Perikatan Nasional	28 Jun 2023	Tamat tempoh	
Terengganu	Perikatan Nasional	28 Jun 2023	Tamat tempoh	
Pulau Pinang	Pakatan Harapan	28 Jun 2023	Tamat tempoh	
N. Sembilan	Pakatan Harapan	1 Julai 2023	Tamat tempoh	

JADUAL 1. Parti/gabungan parti yang memerintah sebelum DUN dibubarkan.

### **HUBUNGAN AUTONOMI BAHAGIAN DAN KEPELBAGAIAN ETNIK-BAHASA-AGAMA**

Berdasarkan beberapa peristiwa yang berlaku dalam politik di Malaysia, amalan autonomi bahagian ini sangat berkaitan rapat secara langsung dengan faktor parti politik dan geografi. Meskipun tidak dinafikan bahawa Malaysia merupakan negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan agama, namun kepelbagaian ini tidak dipecahkan mengikut pembahagian wilayah atau negeri. Tidak sebagaimana beberapa negara yang lain di dunia. Justeru, pengaruh faktor kepelbagaian etnik-bahasa-agama tidak menjadi faktor langsung yang mempengaruhi amalan autonomi bahagian di peringkat negeri dalam konteks sistem persekutuan di Malaysia. Sebaliknya amalan autonomi bahagian dalam konteks parti politik sangat dipengaruhi elemen kepelbagaian tersebut.

Sebagai contohnya, situasi yang melanda negeri Kelantan sekitar penghujung tahun 1970-an dimana krisis hubungan kerajaan pusat dengan negeri itu bukannya disebabkan faktor etnik-bahasa-budaya sebaliknya dipengaruhi oleh faktor politik dan parti. Perbezaan pegangan politik antara parti yang menerajui kerajaan persekutuan dengan parti yang menguasai kerajaan negeri Kelantan telah mengakibatkan berlakunya ketegangan dalam hubungan pusat-negeri. Situasi yang sama pernah dihadapi Sarawak ketika diketuai Stephen Kalong Ningkan sementara Sabah semasa Parti Bersatu Sabah (PBS) menguasai pentadbiran negeri itu. Senario ini telah mencetuskan dua pandangan yang saling bercanggahan. Dari satu sudut, wujudnya pandangan yang melihat bahawa negeri tidak menghormati pusat yang menjadi penaung dan pemegang kedaulatan kepada semua negeri dalam sistem persekutuan manakala di satu sudut yang lain pula memperlihatkan bahawa pusat pula yang tidak menghormati hak autonomi bahagian yang dimiliki negeri sepertimana yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Keadaan ini berbeza sekali dengan apa yang berlaku di negara persekutuan yang lain seperti di Kanada, Switzerland, Belgium, Austria dan beberapa yang lain. Bagi negara-negara ini, pelaksanaan autonomi bahagian selain dicituskan oleh faktor geografi iaitu sempadan wilayah, turut dibantu dengan pengaruh etnik-bahasa-agama. Perkara ini dikaitkan kepada takrifan 'masyarakat persekutuan' sebagaimana yang dikemukakan Michael (1968). Menurut Stein, masyarakat yang terdiri daripada komuniti berasaskan wilayah yang jelas dibezakan oleh

bahasa dan etnik, maka seseorang boleh mengharapkan untuk mencari masyarakat persekutuan. Dalam kes ini, Livingston (1956) mengambil contoh wilayah Quebec dan Ontario dalam negara Kanada. Jelas Livingston, di Kanada bentuk kerajaan persekutuan yang ditubuhkan pada tahun 1867 adalah terutamanya hasil daripada kompromi antara kumpulan berbahasa Perancis dan Inggeris di wilayah Kanada yang bersatu ketika itu. Dua wilayah berasingan Ontario dan Quebec telah ditubuhkan. Quebec adalah merupakan wilayah yang didiami majoriti rakyat Kanada yang berbahasa Perancis sementara Ontario pula menjadi wilayah kediaman rakyat Kanada berbahasa Inggeris. Jelaslah di sini bahawa elemen bahasa dipecahkan mengikut wilayah.

Selain Kanada, terdapat contoh lain wilayah atau negeri yang dipecahkan mengikut etnik/bahasa/agama antaranya seperti wilayah Flanders dan Wallonia di Belgium. Rakyat Belgium di wilayah Flanders menggunakan Bahasa Belanda manakala penduduk Belgium di Wallonia berbahasa Perancis. Sementara penduduk di Timur Liege yang terletak di timur wilayah Wallonia menggunakan Bahasa Jerman (Olivier 2012). Sementara bagi negara Switzerland, penduduk di wilayah Uri, Zug dan Zurich adalah warga Switzerland yang berbahasa Jerman sementara di Ticino dan bahagian Selatan Graubunden adalah wilayah penutur bahasa Itali di Switzerland. Manakala di kawasan Geneve, Vaud dan Neuchatel adalah wilayah rakyat Switzerland yang berbahasa Perancis.<sup>16</sup>

Di Belanda pengelasan wilayah dapat dilihat dari segi agama dan juga bahasa. Wilayah di utara Belanda seperti Friesland, Gelderland, Zuid-Holland dan Drenthe secara majoritinya didiami penganut Kristian Protestan dan Atheisme sementara di wilayah sebelah selatan merangkumi Limburg dan Noord-Brabant merupakan lokasi majoriti penganut Kristian Katolik<sup>17</sup>. Sementara dari segi perbezaan bahasa, negara Belanda dibahagikan kepada beberapa wilayah sebagai contohnya, di sebelah barat yang melibatkan Noord-Holland, Zuid-Holland, Utrecht, Zeeland, Flevoland dan Noord-Brabant adalah komuniti yang berbahasa Belanda (*Dutch Language*) sementara sebahagian wilayah timur Groningen, Drenthe, Overijssel, Gelderland dan utara Limburg didiami masyarakat yang berbahasa Jerman. Di bahagian utara pula meliputi Friesland, didiami masyarakat Belanda yang berbahasa Frisian<sup>18</sup>.

Perkara ini amat berbeza keadaannya di Malaysia meskipun masyarakatnya terdiri daripada kepelbagaian etnik, budaya dan agama. Jika diamati, tidak terdapat mana-mana negeri di Malaysia yang dipecahkan mengikut asas etnik, bahasa mahupun agama secara yang begitu ketara. Walaupun tidak dinafikan bahawa setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek<sup>19</sup> bahasa masing-masing, namun dialek ini tidak dianggap sebagai bahasa yang berbeza. Sementara dalam konteks Malaysia Timur yang melibatkan negeri Sabah dan Sarawak, keadaan kerencaman etnik-bahasa mengikut belahan negeri juga tidak begitu ketara memandangkan kepelbagaian etnik-bahasa masih terdapat di kedua-dua negeri berkenaan. Taburan itu lebih menjuruskan kepada sifat daerah dan kampung tetapi bukan dalam konteks negeri. Dengan maksud yang lain, tidak terdapat mana-mana etnik-bahasa yang menjadi majoriti bagi kedua-dua negeri ini. Komposisi etnik bagi kedua negeri ini ditunjukkan sebagaimana carta di bawah:

---


<sup>16</sup> Merujuk peta dalam Beatrix (2017); *Culture, Work Attitudes, and Job Search: Evidence from The Swiss Language Boarder*.

<sup>17</sup>Sumber: [https://www.reddit.com/r/MapPorn/comments/c893bv/religious\\_map\\_of\\_the\\_netherlands\\_by/](https://www.reddit.com/r/MapPorn/comments/c893bv/religious_map_of_the_netherlands_by/) (diakses pada 23 Julai 2023 jam 9.42 malam).

<sup>18</sup>Sumber: [https://www.reddit.com/r/imaginarymaps/comments/ua8btd/a\\_more\\_language\\_diverse\\_and\\_bigger\\_netherlands/](https://www.reddit.com/r/imaginarymaps/comments/ua8btd/a_more_language_diverse_and_bigger_netherlands/) (diakses pada 22 Julai 2023 jam 3.35 petang).


<sup>19</sup> Dialek adalah satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah (negeri dan lain-lain) atau variasi bahasa yang dituturkan oleh sesuatu kumpulan sosial atau lapisan masyarakat Bahasa (Kamus Dewan Edisi 4).

RAJAH 3. Komposisi etnik Sabah pada tahun 2022



Sumber: Laporan Jabatan Statistik Malaysia 2022 yang dihasilkan pada 20 Ogos 2022.

RAJAH 4. Komposisi etnik Sarawak pada tahun 2022



Sumber: Laporan Jabatan Statistik Malaysia 2022 yang dihasilkan pada 20 Ogos 2022.

Justeru, autonomi bahagian yang diamalkan pihak negeri dalam konteks sistem persekutuan di Malaysia sememangnya tidak dipengaruhi secara langsung oleh faktor etnik, bahasa dan agama sebagaimana negara-negara yang telahpun dibincangkan di atas. Sebaliknya, perkara ini banyak dipengaruhi oleh faktor politik dan parti/gabungan parti politik yang mentadbir sesebuah negeri itu. Di samping itu, faktor ekonomi turut menyumbang kepada perkara itu sedikit sebanyak. Perkara ini dapat dilihat dari segi tuntutan sebilangan negeri dalam isu pembayaran royalti kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri umpamanya melibatkan negeri Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

Dalam soal proses pembubaran DUN pula, kerajaan negeri lebih cenderung mengambil pertimbangan politik dan parti berbanding faktor-faktor yang lain. Hal ini dapat dibuktikan dimana sejak dari PRU-1959 hinggalah sebelum PRU-14, hampir kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia khususnya yang sedia membubarkan DUN masing-masing serentak dengan pembubaran Parlimen. Hal ini mungkin dikaitkan dengan dua faktor iaitu: i. Kebanyakan kerajaan negeri diperintah oleh parti yang sama dengan kerajaan persekutuan; dan ii. Hegemoni kerajaan pusat yang cukup kuat pada masa itu walaupun ketika itu sudah ada kerajaan negeri yang dikuasai oleh parti yang berlainan dari kerajaan pusat (selain negeri Kelantan pasca PRU-12).

Namun begitu, pasca PRU-14, keadaan itu sudah berlainan sama sekali. Terdapat negeri yang membubarkan DUN lebih awal seperti Melaka dan Johor. Sementara ada juga yang membubarkannya secara serentak dengan pembubaran parlimen seperti Perlis, Pahang dan Perak manakala enam negeri selainnya iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Kelantan membubarkan DUN hanya setelah 9 bulan PRU-15 diadakan.

Berdasarkan pemerhatian, kemungkinan besar perkara ini dipengaruhi oleh faktor parti politik yang menjadi teraju utama kerajaan di negeri masing-masing khususnya menjelang pembubaran parlimen dilakukan. Tiga negeri yang diterajui BN mengambil langkah membubarkan DUN mengikut kerajaan persekutuan sementara enam negeri lain yang mana diterajui oleh Pakatan Harapan dan Perikatan Nasional enggan membubarkan DUN masing-masing. Perkembangan ini yang dikaitkan dengan elemen autonomi bahagian yang digunakan kerajaan negeri sebagai hak eksklusif mereka di samping beberapa bidang kuasa yang dimiliki negeri sebagaimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

## **KRISIS HUBUNGAN PUSAT-NEGERI DI MALAYSIA**

Jika diperhalusi dalam konteks autonomi bahagian atau autonomi segmen ini banyak diperlihatkan dari konteks hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri di Malaysia. Sekalipun tidak menggunakan istilah autonomi bahagian ini secara khusus, tetapi segala yang terjadi ini adalah disebabkan konsep tersebut. Berdasarkan sejarah sistem persekutuan di Malaysia, berlaku beberapa krisis atau isu yang mana faktor utamanya adalah disebabkan perbezaan parti politik atau haluan politik antara pihak yang menerajui kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri.

Pertama, krisis hubungan kerajaan persekutuan dengan negeri Sarawak. Situasi ini berlaku ketika Stephen Kalong Ningkan menjadi Ketua Menteri Sarawak yang pertama. Masalah yang timbul semasa pemerintahan beliau khususnya berhubung dengan usul pindaan undang-undang tanah dan isu Tanah Melayunisasi. Isu ini menjadi semakin besar lantaran campur tangan kerajaan pusat yang ketika itu dipimpin Tunku Abdul Rahman bagi menjatuhkan beliau. Walaubagaimanapun, Ningkan menggunakan mahkamah yang akhirnya memihak kepada beliau dengan dikembalikan jawatan Ketua Menteri itu. Kerajaan pusat



kemudiannya menjalankan pelbagai usaha termasuk dengan mengisytiharkan darurat serta meminda perlembagaan negeri dan akhirnya Ningkan berjaya dijatuhkan (Nidzam 2006).

Selain Sarawak, negeri Sabah juga menghadapi krisis hubungan dengan kerajaan pusat. Di tahun-tahun awal selepas terbentuknya Malaysia, pertentangan yang wujud terhadap agenda nasionalis dan pemusatan kuasa oleh elit politik federal adalah tidak begitu ketara. Sumber utama ketegangan ini adalah akibat persepsi Ketua Menteri yang melihat agenda nasionalis sebagai mencabar kepentingan politik kerajaan negeri. Elit politik negeri berasa tidak puas hati dengan sikap elit politik federal yang dianggap memandang remeh kedudukan Sabah dalam Malaysia. Keadaan ini menyebabkan kerajaan negeri menimbulkan isu kedudukan Sabah dalam Malaysia (seperti yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia) dan menekankan bahawa Sabah tidak menyertai Malaysia tetapi sebaliknya membantu membentuk Malaysia. (Vijeji 1987).

Sementara bagi Kelantan pula, hubungan antara negeri itu dengan persekutuan juga tidak rapat. Kelantan merupakan negeri yang dikatakan paling lama dikuasai oleh parti pembangkang iaitu PAS. PAS telah menawan Kelantan sejak PRU-1959 sehinggalah pada tahun 1978 berjaya dikuasai UMNO. Namun, sejak PRU tahun 1990, PAS menawan kembali Kelantan sehinggalah ke hari ini (hampir 33 tahun). Justeru, negeri Kelantan mempunyai pengalaman dingin yang paling panjang dalam hubungannya dengan Kerajaan Persekutuan. Beberapa isu yang boleh diutarakan di sini dari konteks hubungan pusat dengan Kelantan. Antara isu tersebut termasuklah dalam isu hutang pembinaan Jambatan Sultan Yahya Petra yang dikaitkan dengan pemberian konsesi balak dari kerajaan negeri kepada sebuah syarikat swasta bagi membayar hutang pembinaan jambatan yang dibuat Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri (Chin:1997).

Di samping itu, isu pelantikan Menteri Besar Kelantan yang berlaku pada tahun 1975 dimana Kerajaan Persekutuan menyokong Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar negeri itu tetapi di pihak PAS tidak bersetuju. Isu ini berlarutan sehingga undi tidak percaya kepada Mohamad Nasir yang akhirnya membawa kepada peristiwa darurat di Kelantan. Pilihan raya DUN Kelantan kemudiannya diadakan semula pada tahun 1978 yang membawa kepada kemenangan UMNO-BN di negeri itu. Selain itu, isu yang tercetus termasuklah krisis Timbalan Menteri Besar, isu hutang Kerajaan Kelantan kepada Kerajaan Pusat, isu Kerajaan Persekutuan yang cuba membantutkan pembangunan di negeri Kelantan dan juga isu perlaksanaan undang-undang hudud di negeri itu (Agus:1992).

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, proses dan hak pembubaran DUN adalah merupakan sebahagian daripada elemen autonomi bahagian (*autonomy segmented*) yang secara langsung diwujudkan menerusi amalan dan pelaksanaan sistem Persekutuan bagi sesebuah negara. Autonomi bahagian ini pula merupakan salah satu daripada empat komponen di dalam teori demokrasi pemuafakatan (*consociational democracy*). Sepertimana yang kita ketahui, sejak dari merdeka lagi, proses pembubaran DUN dalam konteks politik negeri-negeri di Semenanjung Malaysia lazimnya dibubarkan serentak dengan pembubaran parlimen. Hal ini seperti sudah menjadi suatu perkara yang sinonim apabila menjelang tempoh berakhirnya dewan-dewan perundangan ini atau apabila parlimen dibubarkan sekaligus DUN akan mengikut dibubarkan bersama. Situasi ini juga membolehkan PRU parlimen dapat diadakan serentak dengan PRU DUN.

Situasi sejarah yang lalu ini tidaklah bermaksud bahawa negeri dan pemerintahan negeri tidak mengetahui tentang hak dan keistimewaan yang dimiliki mereka dari segi kuasa dan hak pembubaran DUN ini yang boleh dilakukan tanpa mengikut pembubaran di peringkat parlimen. Tetapi, tindakan pembubaran serentak itu dilakukan atas semangat parti yang sama (yang menguasai negeri) dengan parti yang menguasai kerajaan persekutuan atau jikapun berlainan parti, tindakan pembubaran serentak ini dilakukan atas dasar bagi memudahkan urusan melaksanakan PRU dalam satu masa yang sama.

Perbezaan masa atau tarikh pembubaran DUN yang tidak serentak pula dipengaruhi oleh dua faktor antaranya:

- i. Desakan pembubaran DUN lebih awal berikutan ketidakstabilan kerajaan negeri dan DUN sebagaimana yang terjadi dalam kes DUN Sabah (30 Julai 2020), DUN Melaka (4 Oktober 2021) dan DUN Johor (22 Januari 2022).
- ii. Penguasaan parti yang berlainan dengan parti yang mendominasi kerajaan pusat. Hal ini terjadi semasa pembubaran Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2022 yang dilakukan Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri daripada BN. Hanya negeri yang dikuasai BN pada masa itu iaitu Perlis, Perak dan Pahang sahaja yang mengikut pusat untuk membubarkan DUN masing-masing sementara negeri-negeri yang dikuasai PN iaitu Kelantan, Terengganu dan Kedah serta negeri yang dikuasai PH, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan, mengambil Langkah untuk tidak membubarkan DUN berkenaan.

Justeru, dapatlah dikatakan di sini bahawa dalam sesuatu keadaan tertentu, pihak negeri boleh menggunakan autonomi bahagian demi menjaga kepentingannya khususnya dari segi kepentingan politik parti yang menjadi peneraju atau kerajaan sesebuah negeri itu. Hal ini termasuklah dari segi hak dan kuasa pembubaran DUN dan beberapa perkara yang lain sebagaimana yang termaktub sebagai hak dan kuasa negeri sepertimana yang dijelaskan dalam Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

## RUJUKAN

- Ahmad Kamal Ariffin. 2021. *Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1959 dan Pengenalan First Past the Post* dalam *Akademika* 91(3), 2021:63-77.
- Baradat L.P. 1997. *Political Ideologies: Their Origins and Impact*. Sixth Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Berita Harian. Laporan Keputusan PRU-1990 hingga PRU-2004.
- Chin J. 1997. Politics of Federal Intervention in Malaysia, with Reference to Sarawak, Sabah and Kelantan. *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*, Vol.35, No.2 (July): 96 – 120.
- Elazar and Daniel J. 1987. *Exploring Federalism*. Tuscaloosa: University of Alabama.
- Gullick J.M. 1969. *Nation of The Modern World: Malaysia*. London: Ernest Benn Limited.
- Kennedy J. 1993. *A History of Malaysia*. Third Edition. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Kratoska P.H. 1997. *The Japanese Occupation of Malaya: A Social and Economic History*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Lijphart. A. 1968. *The Politics of Accommodation: Pluralism and Democracy in the Netherlands*. Berkeley: University of California Press.



- \_\_\_\_\_. 1977. *Democracy in Plural Societies: A Comparative Exploration*. New Heaven and London: Yale University Press.
- Livingston W.S. 1956. *Federalism and Constitutional Change*. Oxford: Oxford University Press.
- Malaysia Law Books. 2022. *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Mauzy. D.K. 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Maricon & Sons.
- Ma'rof Redzuan. 1997. *Perjuangan Mencapai Kemerdekaan* dlm. *Kenegaraan Malaysia*, disunting oleh Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Micheal B. S. 1968. Federal Political Systems and Federal Societies dalam *World Politics* Vol.20, No.4 (July., 1968) (721-747)
- Milne R.S. dan Mauzy D.K. 1978. *Politics and Government in Malaysia*. Singapore: Times Books International.
- Milner A.C. 1970. *The Federation Decision 1895*. JMBRAS Vol. XL111, Part 1. 106.
- Mohammad Agus Y. 1994. Politik Kelantan Selepas Pilihanraya Umum 1990. Terbitan Tak Berkala Dunia Melayu No.13, Bangi: Institut Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Ishak. 2006. *Politik dan Pemerintahan Negara*. Kuala Lumpur: Thomson.
- Nazaruddin Mohd Jali. 1997. *Penubuhan Persekutuan Malaysia* dlm. *Kenegaraan Malaysia*, disunting oleh Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nidzam Sulaiman. 2006. *Pakatan dalam Politik Sarawak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- NSTP Research and Information Service. 1990. *Election in Malaysia Fact and Figures*. Kuala Lumpur: Balai Berita.
- Sagayamary. R.M.N. 2002. *Sejarah Perkembangan Politik Negeri Sembilan dalam Abad ke-18 dan 19*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shamsul A.B. 2012. *Modul Hubungan Etnik. Edisi Kedua*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Watts R. L. 1998. *Federalism, Federal Political Systems, and Federations*. *Annual Review of Political Science* 1 muka surat 117-137.
- Wheare K. C. 1967. *Federal Government*. Fourth Edition. London: Oxford University Press.
- Vejai B. 1998. *Politik Nasionalisme dan Federalisme di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

### **Laman Sesawang**

Laporan Keputusan PRU-2008 sehingga PRU-2022 dalam  
<https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru/>



*Journal of Ethnic and Diversity Studies (JOEDS)*  
*Volume 1, Issue 2*

Nor Zuwairi Zakwa  
Institute of Ethnic Studies (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
MALAYSIA  
P88948@siswa.ukm.edu.my

Ahmad Nidzamuddin Sulaiman  
Institute of Ethnic Studies (KITA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
MALAYSIA  
nizamm01@hotmail.com